



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

8 MEI 2021 (SABTU)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

8 MEI 2021 (SABTU)

Sektor peruncitan patuh SOP lebih 98 peratus

KPDNHEP benarkan 38 jenis perniagaan terus beroperasi sepanjang PKP

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kepatuhan sektor peruncitan terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang mencapai 98.36 peratus menjadi faktor Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) membenarkan 38 jenis perniagaan terus beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di beberapa negeri dan Kuala Lumpur ketika ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata berdasarkan data pihaknya mendapati kepatuhan kepada SOP amat tinggi dalam kalangan sektor peruncitan dan pemborongan.

"Dengan data dan sains serta maklumat ini kita berani membenarkan 38 perniagaan ini terus dibuka sepanjang pelaksanaan PKP. Hingga 5 Mei sebanyak 528,581 premis diperiksa.

"Daripada jumlah itu, 520,028 premis atau 98.36 peratus patuh kepada SOP, 597 premis atau 0.11 peratus diberi amaran, tidak sampai satu peratus pun dan hanya 178 premis atau 0.03 peratus sahaja yang dikenakan kompaun," katanya selepas merasmikan Program Jualan Prihatin Raya (JPR) Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri, semalam.

Alexander berkata, pihaknya juga tidak teragak-agak meng-



Alexander (tengah) pada majlis perasmian Program Jualan Prihatin Raya Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Putrajaya, semalam. Turut hadir Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad (kiri).

(Foto Mohd Fadli Hamzah /BH)

ambil tindakan drastik dan menggunakan peruntukan undang-undang sedia ada terhadap mana-mana penila dan premis perniagaan yang gagal mematuhi SOP ditetapkan kerajaan dalam menangani penularan wabak COVID-19.

Ia termasuk mencadangkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk menutup terus operasi industri terbabit ketika pelaksanaan tempoh PKP.

Walaupun ada antara perniagaan itu dianggap sesetengah pihak sebagai bukan perkhidmatan perlu seperti kedai perabot, ia masih perlu dibuka bagi memastikan kelangsungan perniagaan serta membolehkan pekerja di kedai berkenaan terus mendapat upah, yang sememangnya amat diperlukan.

"Memang ada kita dengar mengapa sesetengah kedai itu dibenarkan buka sedangkan ia bukan keperluan. Namun, perlu diingat, walaupun kedai perabot itu bukan keperluan, tetapi men-

jelang Aidilfitri mungkin ada yang memerlukannya.

"Kedai emas itu bukan keperluan, tetapi perlu diingati kami mahu memastikan kelangsungan perniagaan kerana ia dapat memastikan kelangsungan pekerjaan.

"Kita tidak mahu mereka yang bekerja, mengharapkan gaji dan upah, jika premis ini tidak dibenarkan buka, kemungkinan perniagaan ini akan terjejas, ia ditutup dan orang kehilangan pekerjaan.

Jadi mungkin emas itu bukan keperluan, tetapi pekerjaan itu adalah satu keperluan kepada mereka yang memerlukan untuk mereka mendapat gaji dan upah bagi kos sara hidup mereka.

"Sebab itu, selepas memikirkan sedalam-dalamnya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) harus melihat kita mahu memastikan kelangsungan perniagaan," katanya.

Pada masa sama, Alexander tu-

rut menyatakan penghargaannya kepada perniagaan dalam sektor peruncitan yang dapat mematuhi keperluan untuk patuh kepada SOP yang ditetapkan.

Terdahulu, Alexander ketika melancarkan JPR, berkata objektif utama inisiatif itu sebagai antara usaha KPDNHEP untuk meringankan kos sara hidup rakyat khususnya terhadap keperluan barang bagi persediaan menyambut Aidilfitri tahun ini.

Edisi kali ini tumpuan diberikan kepada penduduk di sekitar Putrajaya, melalui bekerjasama dengan syarikat pembekal khususnya dalam sektor peruncitan untuk menawarkan harga barang keperluan dengan 'harga runtuh' yang sangat berpatutan.

Antara barang keperluan dijual hari ini adalah seperti ayam, telur, ikan, gula, minyak masak, tepung, beras, sayur-sayuran dan pelbagai jenis barang keperluan yang lain sebagai persiapan menyambut Aidilfitri yang bakal tiba kurang seminggu lagi.

Premis jual emas, perabot rekod amalan tahap kepatuhan SOP tinggi

38 sektor perniagaan dibenarkan

PUTRAJAYA — Kebenaran operasi bagi 38 jenis sektor perniagaan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dibuat berdasarkan kepada rekod pematuhan prosedur operasi standard (SOP) tinggi yang diamalkan premis itu selama ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya mengaku ada pihak yang tidak berpuas hati dengan senarai itu kerana tidak berada dalam kategori perkhidmatan perlu (essential services).

KPDNHEP mendapat 98 peratus premis perniagaan yang diperiksa setakat 5 Mei lalu mematuhi SOP yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan.

"Sejak tahun lalu sehingga semalam, KPDNHEP memeriksa sebanyak 528,581 premis di seluruh negara. Daripada jumlah itu, sebanyak 520,028 premis atau 98.36 peratus patuh kepada SOP.

"Sebanyak 597 premis diberi amaran manakala bakinya (178 premis) dikompaun," katanya selepas melancarkan Program Jualan Prihatin Raya (JPR) di sini semalam.

Sebelum ini, terdapat segelin-



ALEXANDER (tengah) menyempurnakan gimik pelancaran Program Jualan Prihatin Raya di pekarangan KPDNHEP, Putrajaya semalam.

tir pihak mempertikai keputusan KPDNHEP yang memberarkan beberapa premis perniagaan seperti kedai perabot, kedai emas dan kedai tembakau (termasuk vape bernikotin) ber-

operasi sepanjang PKP.

Alexander mengakui kedai perabot dan emas bukan perkhidmatan perlu, tetapi sentiasa menjadi tumpuan pengguna khususnya di musim perayaan.

KPDNHEP tidak teragak-agak mengambil tindakan drastik termasuk menutup premis sekiranya gagal mematuhi SOP.

Terdahulu, Alexander melancarkan Program JPR yang mena-

warkan barang keperluan harian pada harga patut. Program itu dijadual berlangsung selama tiga hari di beberapa negeri terpilih, namun terpaksa dibatalkan berikut pelaksanaan PKP.

Nanta: 98pc S.O.P compliance seen in economic sectors

PUTRAJAYA: Economic sectors, including non-essential businesses, have shown 98 per cent compliance with the standard operating procedures (SOP) under the Movement Control Order (MCO) since the beginning of the Covid-19 pandemic.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said out of the total premises checked, the ministry found less than one per cent of the business entities flouting the SOP.

"Up to May 6, we have conducted SOP compliance checks at 528,581 premises and found that 520,028, or 98.36 per cent, had strictly adhered to the SOP."

"Meanwhile, 597 premises, which represent 0.11 per cent, were issued warnings, while 178 premises were slapped with compounds."

"However, we will not hesitate to enforce strict measures, including recommending to the National Security Council to

close down any business found flouting the SOP during the MCO 3.0."

Nanta said this after launching Jualan Prihatin Raya at Anjung Seri in the ministry's headquarters here yesterday.

Based on the SOP-compliance data, Nanta said, the ministry decided to allow businesses, including non-essential businesses, to operate during the MCO 3.0.

"There have been complaints from people on why non-essential businesses were allowed to operate during the MCO . . .

"Looking at the 98 per cent of SOP compliance rate and after thorough consideration, we decided to let them operate to allow business continuity."

"People depend on business activities (to survive). For example, a jewellery shop may not be essential, but it is essential for its workers to ensure continuity of employment."

"Some people depend on monthly salaries and daily



Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (front row, left) looking at the essential items being sold at Jualan Prihatin Raya at the ministry's headquarters in Putrajaya yesterday. With him is the ministry's secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad (front row, with songkok). PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

wages, so we are trying to make sure that everybody can keep their jobs, especially with Hari Raya Aidilfitri around the corner and families making preparations for the festival."

"But, then again, if these businesses are found to be flouting the SOP, we will take drastic mea-

sures against them."

At Jualan Prihatin Raya, essential items such as chicken, fish and eggs were sold at marked-down prices.

The one-day programme, which started at 8am, saw the co-operation between the ministry and eight companies comprising

suppliers and wholesalers.

Initially, there were supposed to be sessions with the residents of Program Perumahan Rakyat Termiskin Batu Muda in Kuala Lumpur and Taman Putra Perdana in Sepang over the weekend. However, they were cancelled due to the MCO.

Peniaga daging tidak patuh SHMMP

Oleh ZAID MOHD. NOOR
zaid.noor@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Beberapa peniaga di Pasar Besar Alor Setar di sini didapati menjual daging lembu tempatan pada harga RM38 sekilogram melepas Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021, semalam.

Peniaga terbabit mendakwa, mereka terpaksa menjual harga lebih tinggi berbanding yang ditetap SHMMP iaitu RM34 sekilogram disebabkan harga daripada pihak pemborong tinggi.

Setiausaha Kehormat Persatuan Pengguna Kedah (Cake), Yusrizal Mohd. Yusof berkata, peniaga terlibat mendakwa mereka menerima bekalan daging daripada pemborong antara RM32 hingga RM35 sekilogram.

Menurutnya, keadaan tersebut menyebabkan peniaga terpaksa menjual daging lembu tersebut dengan harga sebelum SHMMP dilancarkan pada 21 April lalu.

"Peniaga bukan tidak mahu menjual daging mengikut SHMMP tetapi mereka menerima bekalan pada harga tinggi daripada pemborong," katanya

ketika dihubungi di sini, semalam.

SHMMP itu dilaksanakan selama 30 hari bermula 21 April hingga 20 Mei ini.

Sementara itu, tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, daging lembu import pula dijual dengan harga RM21 sekilogram juga lebih mahal berbanding SHMMP iaitu RM20 sekilogram.

Sementara itu, seorang peniaga yang enggan mendedahkan namanya memberitahu, daging lembu tempatan yang dijual pada harga RM38 sekilogram itu berkualiti dan tanpa lemak.



PENGARAH Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sembilan, Ain Arjuna Aziz Zaman (kanan) meninjau harga barang di Pasar Sementara Ampangan, di Seremban, semalam. -
UTUSAN/MUHAMMAD.IZZAT TERMIZIE.

Tiada tanda harga kesalahan paling tinggi

PUTRAJAYA: Tidak meletakkan tanda harga adalah kesalahan tertinggi direkodkan sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2021 (SHMMP 2021) bermula 21 April hingga semalam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanti Linggi berkata, sepanjang tempoh itu, 217 kes direkodkan iaitu tiada tanda harga (96 kes), tidak meletakkan tanda harga khas merah jambu (67 kes) dan menjual melebihi harga maksimum (54 kes).

Beliau berkata, kesalahan itu direkodkan selepas pemeriksaan

dijalankan di 31,167 premis perniagaan di seluruh negara.

"Kami turut menyita pelbagai barang runcit bernilai RM22,008 dan mengeluarkan keseluruhan kompaun berjumlah RM31,800 kepada mereka yang melanggar arahan skim berkenaan," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Program Jualan Prihatin Raya (JPR) di sini, semalam.

Katanya, Johor merekodkan kesalahan tertinggi dengan 59 kes diikuti Sarawak (34 kes), Terengganu (28 kes), Perak (17 kes), Sabah (16 kes), Kelantan (16 kes), Pulau Pinang (14 kes) dan Kuala Lumpur (13 kes).

Alexander berkata, pihak-

nya hanya menerima 27 aduan berkaitan kenaikan harga barang dan tiada tanda harga daripada pengguna sepanjang pelaksanaan SHMMP 2021 setakat semalam.

Menurutnya, beliau mendapati skim itu berkesan membendung kenaikan harga secara melampau.

"Pengguna nampaknya sudah boleh menerima harga siling barang keperluan yang ditetapkan KPDNHEP sepanjang pelaksanaan SHMMP 2021 itu."

"Kita berharap tidak ada lagi aduan dan kes-kes berkaitan kenaikan harga barang dikeşan sehingga skim ini tamat pada 20 Mei ini," katanya.

Penyeludupan bantu IKS Thailand

Barang subsidi bolos

Oleh ZAAIN ZIN
dan YATIMIN ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

RANTAU PANJANG: Penyeludupan barang bersubsidi dari Malaysia ke Thailand yang tidak pernah ‘tidur’ di sepanjang Sungai Golok di negeri ini didakwa membantu menjana industri kecil dan sederhana (IKS) di negara jiran itu.

Antara barangan bersubsidi di Malaysia tetapi bertukar menjadi barang yang popular dalam kalangan IKS di Thailand ialah minyak masak, gula dan juga tepung gandum.

Sebelum menyeberangi Sungai Golok sepanjang 103 kilo-

meter memisahkan Kelantan dan Thailand, barang tersebut dikumpulkan di stor-stor berhampiran tebing sungai.

Dari stor-stor tersebut, ‘tentera semut’ rakyat Thailand dan Kelantan akan memunggahkannya ke Thailand dengan upah RM50 hingga RM200 untuk setiap perjalanan.

Sumber memberitahu *Utusan Malaysia*, perkara itu bukan baharu tetapi diwarisi dengan barangan subsidi Malaysia tersebut dijenamakan semula sebelum dijual di merata tempat seperti Golok dan Pattani yang terletak dalam wilayah Narathiwat.

Bersambung di muka 2

Barang subsidi bolos

Dari muka 1

"Selepas melepas sempadan negara, barang itu sekali lagi dikumpul di stor di Thailand untuk proses dibungkus semula dengan menjadikan jenama barang keluaran negara gajah putih berkenaan.

"Selepas siap barang diederkan untuk dijual dengan harga lebih sekali ganda.

"Contoh bagi minyak sekilogram di Malaysia dijual RM2.50 tetapi di Thailand RM5," kata sumber itu baru-baru ini.

Sumber itu berkata, barang bersubsidi tersebut diseludup dalam kuantiti kecil tetapi dilakukan secara kerap menggunakan khidmat 'tentera semut' tanpa mengira siang atau malam.

"Penyeludupan barang tersebut berlaku setiap saat, minit dan jam di sepanjang Sungai Golok yang sempit dan adakalanya cetek."

"Barang itu dibawa dengan perahu atau jika air cetek dengan kudrat 'tentera semut' itu sendiri," ceritanya.

Kata sumber itu lagi, aktiviti penyeludupan di sempadan Kelantan bukan 'pelik' dan kerana persepsi itu juga menyurarkannya pihak berkuasa mendapat kerjasama penduduk membanterasnya.

"Penguat kuasa syak, orang kampung tahu aktiviti penyeludupan tetapi mereka tidak membanteras penyeludupan kerana tidak rasa ja kesalahan.

"Penduduk sendiri gemar beli barang seludup dari Thailand terutama beras. Sampai sekarang kebanyakan penduduk Kelantan makan beras



Penyeludupan barang berlaku setiap saat, minit dan jam di sepanjang Sungai Golok yang sempit dan adakalanya cetek."

SUMBER

dari Thailand," kata sumber.

Sementara itu, Komander Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tenggara, Senator Asisten Komisioner Hasan Basri Ahmad Safar berkata, sebanyak 800 kes penyeludupan termasuk membabitkan barang subsidi dipatahkan Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tenggara tahun lalu, berbanding 526 kes pada 2019, dengan peningkatan 52 peratus.

Menurut beliau, kejayaan itu direkodkan PGA Batalion 7 Kuantan, Batalion 8 Pengkalan Chepa dan PGA Batalion 9 Kuala Terengganu yang melakukan penugasan Op Benteng Covid-19 secara bergilir di sepanjang Sungai Golok.

Hasan berkata, nilai rampasan barang seludup di kawasan sama tahun lalu mencecah RM60.7 juta, berbanding RM31.24 juta pada 2019.

Kata beliau, 11 kes di bawah Akta Dadah Berbahaya (ADB) mencatatkan nilai rampasan terbesar 2020 iaitu RM19.8 juta diikuti kes di bawah Akta

Kastam RM19.7 juta dan Akta Jabatan Perkhidmatan Kuarantine dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) RM6.5 juta.

"Dalam tempoh Op Benteng tahun lalu, kita menahan 624 individu terbabit jenayah rentas sempadan, berbanding 244 individu pada 2019.

"Dalam tempoh sama, kita menahan 137 pendatang asing tanpa izin (PATI) yang cuba masuk secara haram ke negara ini menggunakan pangkalan-pangkalan haram di Sungai Golok," kata beliau.

Beliau berkata, penugasan Op Benteng Covid-19 oleh PGA Briged Tenggara di Kelantan melibatkan tiga sektor iaitu Rantau Panjang dan Jeram Perdah di Pasir Mas serta Kuala Jambu di Tumpat.

Katanya, seramai 390 pegawai dan anggota PGA menjayakan tugas itu secara bergilir-gilir 24 jam sehari.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan, Azanizam Afendi Juri pula berkata, setakat ini pihaknya belum menerima laporan berhubung barang subsidi terutama minyak dan gula yang didakwa menjana IKS di Thailand.

Bagaimanapun, kata beliau, pihaknya mengambil serius dakwaan tersebut dan jika berlaku, ia perbuatan khianat kerana 'merompak' subsidi negara.

Azanizam berkata, kegiatan penyeludupan barang bersubsidi memang berlaku bukan sahaja beras, gula dan gandum tetapi turut meliputi minyak diesel.

HARI : **SABTU**
TARIKH : **8/5/2021**
M/SURAT : **16**

Senarai Harga Barang Keperluan			
Ayam	RM5.99	Telur Gred A.	RM10
Daging Lembu Tempatan	RM32	Ikan Kembung	RM7.69
Daging Lembu Import	RM24	Minyak Masak	RM5.90
Gula Pasir	RM1.99	Bawang Besar Holland	RM3.19
		Bawang Putih	RM4.88
Cili Merah	RMS.99		
Kubis Bulat Tempatan	RM2		
Tepung Gandum	RM2.09		

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP